



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web: www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/12(16)
Tarikh : 22 Mac 2023
Bersamaan : 29 Syaaban 1444H

**Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Di bawah seliaan JANM Melaka.**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.15/2023/P : PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN
(SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM
PERSEKUTUAN SECARA BERPERINGKAT MENGIKUT BANK EMOLUMEN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Operasi dan Pejabat Perakaunan (BPOPP) melalui surat JANM.BPOPP.600-15/4/13(26) bertarikh 16 Mac 2023 telah memaklumkan tentang **Surat Edaran BPOPP Bilangan 1 Tahun 2023 PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN SECARA BERPERINGKAT MENGIKUT BANK EMOLUMEN**. Sesalinan dilampirkan untuk rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah memastikan **perkara berikut agar pembayaran emolument dapat dikreditkan ke akaun penerima dan tiada penolakan emolument (rejection)** :

- 3.1 **Nombor pendaftaran entiti** (nombor Kad Pengenalan / nombor pasport bagi bukan warganegara) pegawai awam Persekutuan yang terdapat **di GFMS dan sistem bank adalah sama**; dan
- 3.2 Penggunaan akaun-akaun berikut adalah tidak dibenarkan bagi pembayaran emolument
 - 3.2.1 Akaun Bank Syarikat (Perniagaan Tunggal); dan
 - 3.2.2 Akaun Bersama (*Joint Account*).

4. Sekiranya terdapat perbezaan data, tindakan pengemaskinian perlu dibuat melalui sistem *payroll – Human Capital Management* (HCM) pada 18 Mac 2023 hingga 26 Mac 2023 dan *Template Mass Upload AP V2.0*. Tatacara penggunaan *template* ini boleh dimuatnaik di portal JANM Melaka (<https://melaka.anm.gov.my/> -> info -> muat turun -> borang).

5. Perhatian serius perlu diberikan ke atas perkara ini kerana **pelaksanaan semakan tambahan (*second validation*) akan bermula pada pembayaran emolumen bulan Mei 2023**. PTJ adalah bertanggungjawab untuk membuat penggantian penolakan emolumen (sekiranya berlaku) melalui Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6) dalam tempoh **empat (4) hari bekerja** dari tarikh dokumen sokongan lengkap diterima.

6. Adalah diharapkan bahawa pelaksanaan semakan tambahan (*second validation*) ini berjalan dengan lancar bagi mengukuhkan integriti proses pembayaran Kerajaan dan tadbir urus kewangan Kerajaan. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan'

Saya yang menjalankan amanah,



[SHABIBAH BINTI BACHOK (C.A.(M), CPA(Aust.))]
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka